

Nahas kereta rempuh treler ragut dua nyawa

BERITA HARIAN 29/7/2022 page 20

Kuantan: Seorang lelaki dan wanita maut apabila kereta PERODUA Myvi dinaiki mereka dipercayai merempuh belakang treler yang berhenti di lorong kecemasan di Kilometer 126 Lebuhraya Pantai Timur Satu (LPT1) berhampiran kawasan rehat dan rawat (R&R) Temerloh awal pagi semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata mangsa yang maut ialah pemandu kereta, Tan Wee Li, 39, dari Cheras, Kuala Lumpur dan penumpangnya, Nur Susilawati Che Deraman, 35, yang beralamat di Sungai Lembing, Kuantan.

Pemandu dan kelindan treler bagaimanapun tidak mengalami kecederaan.

Zulfadli berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian pada jam 2.47 pagi dengan kedua-dua mangsa tersepit dalam kendera-

an yang remuk sepenuhnya itu di bahagian hadapan.

Lori berhenti kerana enjin panas

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Azhar Mohd Yusoff, berkata kejadian dipercayai berlaku apabila Wee Li gagal mengawal kenderaannya lalu terbabas dan melanggar bahagian belakang lori.

“Lori itu dipercayai berhenti di situ kerana mengalami masalah enjin panas. Kedua-dua mangsa disahkan parah pada bahagian kepala,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, mayat kedua-dua mangsa dibawa ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh untuk bedah siasat selepas keputusan ujian saringan COVID-19 diperoleh dan kemalangan disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

BERNAMA



Dua maut dalam nahas sebuah kenderaan melanggar belakang treler yang berhenti di Kilometer 126, Lebuhraya Pantai Timur, pagi semalam.

(Foto ihsan Bomba)